

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN  
[ KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 19 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) sama ada biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan ditukar kembali kepada biasiswa penuh dan bukan sebagai pinjaman bersyarat yang perlu dibayar balik; dan
- (b) apakah butir-butir belanjawan terperinci sebanyak RM1.65 juta yang diperuntukkan bagi biasiswa JPA 2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hanya boleh melaksanakan program penajaan setelah ianya dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri. Pada masa ini, Jemaah Menteri yang bersidang pada 11 Mac 2016 bersetuju supaya mulai tahun 2016, penajaan JPA adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah, kecuali bagi Program Dermasiswa B40. Pelaksanaan Pinjaman Boleh Ubah adalah sebagai langkah untuk memastikan pulangan yang setimpal dengan pelaburan yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Ia berteraskan prinsip pulangan pelaburan kepada negara (ROI) dalam memastikan Kerajaan akan memperoleh bakat yang terbaik untuk Perkhidmatan Awam. Di samping itu, prinsip ini berupaya mewujudkan sifat kebertanggungjawaban penerima tajaan JPA kepada negara.

Perjanjian pinjaman dikuatkuasakan mengikut empat keadaan seperti berikut:

- (i) pinjaman akan ditukar kepada biasiswa penuh dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;

- (ii) bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat milik Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;
- (iii) bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
- (iv) bayaran balik keseluruhan pinjaman sekiranya pelajar bekerja di luar negara atau tidak bekerja.

Keberkesanan dasar penajaan dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah dalam mencapai objektif Pulangan Pelaburan kepada Kerajaan akan dapat dilihat sekurang-kurangnya dalam tempoh empat tahun akan datang. Kerajaan akan sentiasa memantau keberkesanan dasar ini dan sebarang cadangan penambahbaikan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan.

(b) JPA telah diperuntukan sebanyak RM1.653 bilion bagi tujuan penajaan JPA tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak anggaran RM453 juta adalah bagi perbelanjaan penajaan dalam negara manakala RM1.2 bilion adalah bagi tujuan perbelanjaan penajaan luar negara.

Sekian, terima kasih.